

UPM jadi perintis program urusan kewangan



DR Paramasivam (tengah) pada majlis penubuhan Kelab Mekanik Wang UPM.

Universiti Putra Malaysia (UPM) menjadi universiti pertama di Malaysia sebagai perintis untuk program pengurusan kewangan apabila menubuhkan Kelab Mekanik Wang UPM.

Pusat Kokurikulum dan Pembangunan Pelajar (PKPP) UPM serta Abang Abu Mekanik Wang, menjalin kerjasama dengan Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Negara (PTPTN) menubuhkan Kelab Mekanik Wang UPM.

Pengarah PKPP UPM, Prof Madya Dr Paramasi-

vam Muthusamy berkata, bagi pengambilan yang pertama Kelab Mekanik Wang hanya membabitkan seramai 25 orang terdiri daripada pelajar UPM yang berminat.

Katanya, selain mengukuhkan kebolehpasaran mahasiswa dalam dunia kerjaya, ia juga dapat membantu mahasiswa untuk menambah pendapatan sampingan serta melangsangkan hutang pelajaran yang mencecah ratusan juta ringgit keseluruhannya.